

07/01/1997

Paye kunjungi Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Wakil khas Presiden Perancis bagi hubungan Perancis-Malaysia, Jean-Claude Paye, melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, hari ini.

Paye, bekas Setiausaha Agung pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) tiba di sini, pagi ini, untuk lawatan dua hari.

Beliau dilantik Presiden Jacques Chirac sebagai wakil khas dalam usaha meningkatkan hubungan Perancis-Malaysia. Beliau yang mempunyai ijazah Perundangan dan Sains Politik menyertai Perkhidmatan Luar sebagai Setiausaha Pertama di Algiers pada 1962.

Seorang pegawai kanan Kedutaan Perancis di sini, Jacques Lardet, berkata pelantikan Paye selaras pelantikan rakan sejawatannya, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar oleh Dr Mahathir.

Lardet berkata, dua wakil khas itu bertemu di Wisma Putra pagi ini dan mengadakan perbincangan untuk meningkatkan usaha mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Paye akan menemui penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin pada jam 11 pagi esok. - Bernama

(END)